

TERMA DAN SYARAT CIMB BANK YANG MENGAWAL AKAUN AIRASIA SAVERS CIMB BANK PROGRAM KESETIAAN AIRASIA BIG

1. Akaun AirAsia Savers CIMB Bank – Program Kesetiaan AirAsia BIG (“**Program**”) yang dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad (“**CIMB Bank**”) memberikan hak kepada Pemegang Akaun AirAsia Savers CIMB Bank (“**Pemegang Akaun**”) untuk memperolehi Mata Ganjaran AirAsia BIG (“**Mata Ganjaran BIG**”) di bawah Program Kesetiaan AirAsia BIG (“**Program Kesetiaan BIG**”), yang dimiliki dan dikendalikan oleh Think BIG Digital Sdn Bhd (“**BIG**”).
2. Kelayakan: Program Kesetiaan BIG terbuka kepada Pemegang Akaun yang:
 - a) berjaya mendaftar sebagai Ahli AirAsia BIG di bawah Program Kesetiaan BIG melalui laman web AirAsia BIG di: airasiabig.com (“**Keahlian AirAsia BIG**”); dan
 - b) berjaya mengaitkan Akaun AirAsia Savers CIMB Bank dan Keahlian AirAsia BIG (“Pengaitan Akaun”) melalui laman web AirAsia BIG di <https://partner.airasiabig.com/cimb/aasaversform>

Pengaitan Keahlian AirAsia BIG dan Pengaitan Akaun selepas ini secara kolektifnya dirujuk sebagai “**Kriteria Kelayakan**”.

Pemegang akaun yang memenuhi Kriteria Kelayakan akan selepas ini dirujuk sebagai “**Pemegang Akaun Layak**”.

3. Setelah pemegang Akaun memenuhi Kriteria Kelayakan, Akaun Keahlian BIG akan diwujudkan (“**Akaun Keahlian BIG**”) dan Pemegang Akaun Layak boleh melihat status Mata Ganjaran BIG mereka dengan melayari akaun mereka di laman web AirAsia BIG di www.airasiabig.com.
4. Di bawah Program Kesetiaan BIG, Pemegang Akaun Layak berhak menerima **dua ratus lima puluh (250) Mata Ganjaran BIG** bagi **setiap baki deposit suku tahun purata sebanyak RM1,500 dalam Akaun AirAsia Savers CIMB Bank Pemegang Akaun Layak (“Baki Minimum Deposit Suku Tahun Purata”)**.

Baki Deposit Suku Tahun Purata bermakna:

Baki Deposit Suku Tahun Purata = $\frac{\text{Agregat baki harian selama 3 bulan}}{\text{Agregat bilangan hari bagi 3 bulan}}$

Contoh pengiraan hak Mata Ganjaran BIG (yang dibundarkan ke bawah) adalah seperti berikut:

Contoh 1:

Baki deposit suku tahun purata di dalam Akaun = RM1,500

*Hak Pemegang Akaun Layak = **250 Mata Ganjaran BIG***

Contoh 2:

Baki deposit suku tahun purata di dalam Akaun = RM3,000

*Hak Pemegang Akaun Layak = **500 Mata Ganjaran BIG***

Contoh 3:

Baki deposit suku tahun purata di dalam Akaun = RM5,000

Bilangan Mata Ganjaran BIG = $RM5,000/RM1,500 = 3.33$ kali

*Hak Pemegang Akaun Layak = 3×250 Mata Ganjaran BIG = **750 Mata Ganjaran BIG***

Contoh pengiraan Baki Deposit Suku Tahun Purata adalah seperti berikut:

Baki Deposit Suku Tahun Purata = $\frac{\text{Agregat baki harian selama 3 bulan}}{\text{Agregat bilangan hari bagi 3 bulan}}$

Contoh:

Q1 2017 (Jan hingga Mac 2017)	Purata Baki Seharian	Agregat Baki Seharian
Januari	RM3,000	RM3,000 (Hari Pertama) + RM3,000 (Hari Ke-2) + RM3,000 (Hari Ke-3) + RM3,000 (Hari Ke-4) + + RM3,000 (Hari Ke-31) = RM93,000
Februari	RM3,000	RM3,000 (Day Pertama) + RM3,000 (Hari Ke-2) + RM3,000 (Hari Ke-3) + RM3,000 (Hari Ke-4) + + RM3,000 (Hari Ke-28) = RM84,000
Mac	RM5,000	RM5,000 (Hari Pertama) + RM5,000 (Hari Ke-2) + RM5,000 (Hari Ke-3) + RM5,000 (Hari Ke-4) + + RM5,000 (Hari Ke-31) = RM155,000

$$\begin{aligned} \text{Baki Deposit Suku Tahun Purata} &= \frac{\text{RM93,000} + \text{RM84,000} + \text{RM155,000}}{31 \text{ hari} + 28 \text{ hari} + 31 \text{ hari}} \\ &= \text{RM3,688.89} \end{aligned}$$

Bagi tujuan Program Kesetiaan BIG, tempoh suku tahun merujuk kepada tempoh bulanan berikut: Januari hingga Mac; April hingga Jun; Julai hingga September dan Oktober hingga Disember. Pengiraan hak Pemegang Akaun Layak untuk memperolehi Mata Ganjaran BIG akan dijalankan oleh CIMB Bank pada akhir setiap suku tahun tersebut apabila Pemegang Akaun menjadi Pemegang Akaun Layak dalam suku tahun yang berkenaan atau yang sewajarnya.

- Untuk mengelakkan sebarang keraguan, hak kepada Mata Ganjaran BIG hanya akan bermula dari suku tahun di mana Pemegang Akaun Layak berjaya memenuhi syarat Pengaitan Akaun. Pemegang Akaun tidak akan berhak kepada sebarang Mata Ganjaran BIG sebelum Pengaitan Akaun mahupun berhak menuntut sebarang hak retrospektif kepada sebarang Mata Ganjaran BIG berdasarkan Baki Deposit Suku Tahun Purata di dalam Akaun AirAsia Savers CIMB Bank sebelum Pengaitan Akaun.

Contoh 1:

Kriteria Kelayakan dipenuhi pada Mei 2017

Baki Deposit Suku Tahun Purata di dalam Akaun (Jan - Mac 2017) = RM1,500

Baki Suku Tahun Purata Akaun (Apr - Jun 2017) = RM1,500

Hak Pemegang Akaun Layak (Jan - Mac 2017) = 0 Mata Ganjaran BIG

Hak Pemegang Akaun Layak (Apr - Jun 2017) = 250 Mata Ganjaran BIG

Bulan kredit Mata Ganjaran BIG = Julai 2017

Contoh 2:

Kriteria Kelayakan dipenuhi pada Januari 2017

Baki Deposit Suku Tahun Purata di dalam Akaun (Jan - Mac 2017) = RM1,500

Baki Suku Tahun Purata Akaun (Apr - Jun 2017) = RM1,500

Hak Pemegang Akaun Layak (Jan - Mac 2017) = 250 Mata Ganjaran BIG

Hak Pemegang Akaun Layak (Apr - Jun 2017) = 250 Mata Ganjaran BIG

Bulan kredit Mata Ganjaran BIG = April (Baki Deposit Suku Tahun Purata di dalam Akaun bagi Jan - Mac 2017) dan Julai (Baki Deposit Suku Tahun Purata di dalam Akaun bagi Apr - Jun 2017)

6. Segala keputusan yang dibuat oleh CIMB Bank berkenaan dengan pengiraan Baki Deposit Suku Tahun Purata bagi tujuan Program Kesetiaan BIG adalah muktamad dan konklusif dan CIMB Bank tidak akan dipertanggungjawabkan bagi sebarang kesalahan, ketidaksamaan atau kekurangan dalam baki deposit Akaun AirAsia Savers Pemegang Akaun Layak jika Pemegang Akaun Layak gagal memaklumkan kepada CIMB Bank mengenai sebarang kesalahan, ketidaksamaan atau kekurangan dalam Akaun AirAsia Savers selaras dengan terma dan syarat Akaun AirAsia Savers CIMB.
7. Pengumpulan Mata Ganjaran BIG akan dipaparkan dalam akaun Keahlian Mata Ganjaran BIG Pemegang Akaun Layak dengan AirAsia BIG yang boleh dilihat di laman web AirAsia BIG. Dengan ini, Pemegang Akaun Layak dengan nyata berjanji dengan CIMB Bank bahawa dia akan memaklumkan CIMB Bank secara bertulis mengenai sebarang kesalahan, kekurangan atau ketidaksamaan termasuk baki Mata Ganjaran BIG yang dipegang seperti yang dinyatakan di dalam akaun Keahlian BIG dalam masa empat belas (14) hari kalendar dari bulan kredit Mata Ganjaran BIG ("**Notifikasi**"). Jika pemegang Akaun Layak tidak memaklumkan CIMB Bank secara bertulis mengenai sebarang kesalahan, kekurangan atau ketidaksamaan, maka akan dianggap bahawa Pemegang Akaun Layak menerima penyertaan yang terkandung di dalamnya sebagai bukti muktamad dan konklusif bagi fakta yang terkandung di dalamnya dan baki Mata Ganjaran BIG seperti yang dinyatakan di dalam akaun Keahlian BIG dan akan dianggap sebagai mengikat kepada pemegang Akaun Layak dan pemegang Akaun Layak kemudiannya akan dikecualikan daripada membuat sebarang tuntutan mengenai CIMB Bank dengan mendakwa bahawa hak Mata Ganjaran BIG mengandungi sebarang kesilapan, kekurangan atau ketidaksamaan, melainkan di mana terdapatnya kesalahan besar.
8. Selepas penerimaan Notifikasi tersebut oleh CIMB Bank, CIMB Bank akan atas budi bicara tunggal dan mutlaknya memberikan Mata Ganjaran BIG yang dituntut oleh Pemegang Akaun Layak dengan syarat bahawa Notifikasi sentiasa diterima oleh CIMB Bank dalam tempoh masa seperti yang dinyatakan di dalam Klausula 7 terma dan syarat ini.

Contoh:

Kriteria Kelayakan dipenuhi pada Okt 2016

Baki Deposit Suku Tahun Purata di dalam Akaun (Okt - Dis 2016) = RM1,500

Baki Deposit Suku Tahun Purata di dalam Akaun (Jan - Mac 2017) = RM1,500

*Hak Mata Ganjaran BIG Pemegang Akaun Layak (Okt - Dis 2016) = **250 Mata Ganjaran BIG***

*Hak Mata Ganjaran BIG Pemegang Akaun Layak (Jan - Mac 2017) = **250 Mata Ganjaran BIG***

Bulan Kredit Mata Ganjaran BIG =

Jan 2017 (Baki Deposit Suku Tahun Purata di dalam Akaun bagi Okt - Dis 2016)

April 2017 (Baki Deposit Suku Tahun Purata di dalam Akaun bagi Jan - Mac 2017)

Nota: Jika terdapat sebarang kekurangan, contohnya, tiada Mata Ganjaran BIG yang dikreditkan ke dalam Akaun Keahlian BIG Pemegang Akaun Layak pada Jan 2017, Pemegang Akaun Layak harus melaporkannya dalam masa yang dinyatakan di dalam Klausula 7 dan tertakluk kepada Klausula 8, CIMB akan mengkreditkan semula Mata Ganjaran BIG yang diperolehi bagi Okt - Dis 2016.

9. Setelah CIMB Bank menentukan hak Pemegang Akaun Layak untuk mendapat Mata Ganjaran BIG ("Mata Ganjaran BIG yang diperolehi"), CIMB Bank akan mendedahkan kepada BIG hak Pemegang Akaun Layak dan BIG akan mengkreditkan Mata Ganjaran BIG yang diperolehi ke dalam Akaun Mata Ganjaran BIG Pemegang Akaun Layak dalam masa 4 minggu dari penghujung setiap suku tahun. Walau bagaimanapun CIMB Bank dan BIG boleh mengubah tarikh dan kekerapan pengkreditan Mata Ganjaran BIG menurut budi bicara tunggal dan mutlak mereka.

Suku Tahun	Tempoh	Bulan Pengkreditan Mata Ganjaran BIG
Suku Tahun 1	Januari hingga Mac	April
Suku Tahun 2	April hingga Jun	Julai
Suku Tahun 3	Julai hingga September	Oktober
Suku Tahun 4	Oktober hingga Disember	Januari

10. Bagi Pemegang Akaun bersama, hanya pemegang akaun utama Akaun berhak menerima Mata Ganjaran BIG.
11. Dengan menyertai Program Kesetiaan BIG, Pemegang Akaun Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju terikat oleh terma dan syarat ini dan bersetuju bahawa sebarang dan semua keputusan yang dibuat oleh CIMB Bank berhubung dengan setiap aspek Program termasuk pengiraan hak Pemegang Akaun Layak kepada bilangan Mata Ganjaran BIG adalah muktamad dan konklusif.
12. Mata Ganjaran BIG yang dikreditkan ke dalam Akaun Mata Ganjaran BIG Pemegang Akaun Layak dengan BIG hanya boleh digunakan untuk menebus barang niaga, pelancongan atau bentuk barangan atau perkhidmatan lain ("**Ganjaran**") yang disediakan oleh BIG di bawah Program Kesetiaan BIG. Mata Ganjaran BIG, Akaun Mata Ganjaran BIG dan/atau Ganjaran adalah tertakluk kepada terma dan syarat BIG yang boleh dibaca di www.tune2big.com/askbig ("laman web BIG"). Mata Ganjaran BIG tidak mempunyai nilai kewangan dan tidak boleh dipindahkan atau ditukar dengan wang tunai. Tempoh kesahan Mata Ganjaran BIG boleh diubah atau dipinda menurut budi bicara tunggal BIG setelah BIG memberikan notis terdahulu yang mencukupi di laman web BIG.
13. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab bagi Ganjaran yang ditebus di bawah Program Kesetiaan BIG atau atas sebarang kematian atau kecederaan, kerugian atau kerugian atau kerosakan berbangkit yang menyusul daripada penerimaan sebarang Ganjaran atau atas kehilangan, kecurian atau kemusnahan mana-mana Ganjaran.
14. CIMB Bank tidak memberikan sebarang jaminan (sama ada nyata atau tersirat) pun jua berhubung dengan Ganjaran yang disediakan oleh BIG atau mana-mana pihak ketiga lain. Ganjaran biasanya disertai dengan jaminan daripada pembekal atau pengeluar Ganjaran dan sebarang tuntutan berhubung dengan Ganjaran tersebut hendaklah dibuat dengan pembekal atau pengeluar tersebut. Khususnya, CIMB Bank tidak membuat representasi bahawa mana-mana Ganjaran yang khusus adalah sesuai bagi tujuan yang dirancang digunakan oleh Pemegang Akaun.
15. Mata Ganjaran BIG mempunyai tempoh kesahan selama 36 bulan dari tarikh pengkreditan Mata Ganjaran BIG yang berkenaan ke dalam Akaun Mata Ganjaran BIG. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, tempoh kesahan Mata Ganjaran BIG boleh diubah atau dipinda menurut budi bicara tunggal BIG dengan pemberian notis terdahulu yang mencukupi oleh BIG di laman web BIG.
16. CIMB merizab hak, tanpa memberikan sebarang sebab kepada Pemegang Akaun Layak, untuk menggantung buat suatu tempoh yang tidak pasti, membatalkan dan/atau menamatkan Mata Ganjaran BIG yang diperolehi dan/atau Program dengan memberikan notis yang mencukupi. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, penggantungan, pembatalan dan/atau penamatan Mata Ganjaran BIG yang diperolehi dan/atau Program tidak akan memberikan hak kepada mana-mana Pemegang Akaun Layak atau mana-mana orang lain pun jua untuk membuat sebarang tuntutan atau mendapat sebarang pampasan terhadap CIMB Bank atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan penggantungan, pembatalan atau penamatan. CIMB Bank juga tidak bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekiranya BIG menarik balik atau membatalkan sebarang manfaat atau tawaran yang dibuat di bawah Program Kesetiaan BIG.

17. Permintaan bagi penebusan Mata Ganjaran BIG atau sebarang pertanyaan atau pertikaian tentang Mata Ganjaran BIG, Ganjaran dan/atau Akaun Mata Ganjaran BIG Pemegang Akaun Layak dengan BIG, hendaklah ditujukan kepada BIG dan Pemegang Akaun Layak hendaklah berkomunikasi secara langsung dengan BIG melalui laman web BIG. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian tersebut atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang tuntutan pun jua yang mungkin berbangkit daripada pertikaian tersebut. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kelewatan, ketidakupayaan atau kecuaiannya di pihak BIG untuk melaksanakan mana-mana obligasinya berhubung dengan Mata Ganjaran BIG, Akaun Mata Ganjaran BIG atau Ganjaran yang ditebus atau diterima oleh Pemegang Akaun Layak.
18. Sekiranya Akaun ditutup, Pemegang Akaun Layak tidak berhak mendapat sebarang Mata Ganjaran BIG berhubung dengan baki deposit layak dalam tempoh suku tahun yang relevan apabila Akaun ditutup. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, penutupan Akaun tidak akan menyebabkan pembatalan keahlian atau pendaftaran dalam Program Kesetiaan BIG.
19. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara jua dan tidak dalam apa keadaan jua dikehendaki membayar balik sebarang wang kepada Pemegang Akaun Layak untuk Mata Ganjaran BIG yang diberikan di bawah Program tetapi yang dibatalkan atau ditolak daripada Akaun Mata Ganjaran BIG akibat penamatan Program Kesetiaan BIG.
20. Terma dan syarat di dalam ini hendaklah diguna pakai dan dibaca bersama-sama dengan terma dan syarat yang mengawal Akaun AirAsia Savers CIMB Bank dan Program Kesetiaan AirAsia BIG. Sekiranya wujud sebarang percanggahan atau perkara yang tidak konsisten antara terma dan syarat di dalam ini dan terma dan syarat yang mengawal Akaun AirAsia Savers CIMB Bank, Program Kesetiaan AirAsia BIG dan/atau terma dan syarat yang mengawal Program yang terkandung dalam sebarang bahan atau brosur pengiklanan atau pemasaran, dengan ini dipersetujui bahawa terma dan syarat ini hendaklah mengatasi yang lain berkaitan dengan perkara berkaitan atau menyentuh Program.
21. Terma dan syarat di dalam ini hendaklah dikawal oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun Layak bersetuju berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
22. CIMB merizab hak dengan memberikan notis yang mencukupi, untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memotong, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun jua) (“Pindaan”) mana-mana terma dan syarat di dalam ini. Makluman tentang Pindaan kepada Pemegang Layak akan dilakukan melalui budi bicara mutlak CIMB Bank melalui mana-mana satu cara komunikasi berikut, iaitu melalui pos ke alamat Pemegang Akaun Layak yang terakhir diketahui atau dengan menampal notis tentang pindaan di setiap satu cawangan CIMB Bank atau dengan menyiarkan iklan tentang Pindaan dalam satu akhbar pilihan CIMB Bank, melalui mel elektronik kepada alamat e-mel Pemegang Akaun Layak dalam rekod CIMB Bank atau melalui laman web CIMB Bank dan Pindaan akan dianggap mengikat Pemegang Akaun Layak dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang boleh ditetapkan oleh CIMB Bank dalam makluman.
23. Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Program, pemegang akaun boleh memasukkan nota di pusat atau cawangan CIMB di mana Akaun dipegang. Jika penjelasan atau penyelesaian yang diberikan oleh pusat atau cawangan CIMB tidak memuaskan pemegang akaun, pemegang akaun boleh menghubungi “Customer Resolution Department” CIMB Bank di alamat, nombor telefon, nombor faks dan alamat e-mel berikut (atau di mana-mana alamat, nombor telefon, nombor faks dan alamat e-mel lain yang boleh diubah oleh CIMB Bank dengan memaklumkan pemegang akaun): Customer Resolution Unit, Tingkat 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur No. Tel. Pusat Panggilan: +03 6204 7788, No. Faks: +603 2691 3248, E-mel: cru@cimb.com